Glosari, Akronim dan Singkatan

Glosari

Akaun *mule*
Akaun bank yang dibenarkan oleh pemegang akaun untuk digunakan oleh penjenayah bagi menyimpan atau memindahkan wang yang diperoleh secara haram.

Aliran portfolio
Transaksi merentas sempadan yang melibatkan pembelian/jualan sekuriti hutang atau ekuiti.

Aset kewangan isi rumah
Aset yang dimiliki oleh isi rumah termasuk deposit, pelaburan dalam dana unit amanah dan ekuiti, polisi insurans/sijil takaful dan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Aset kewangan mudah tunai isi rumah (LFA)
Aset kewangan isi rumah kecuali caruman KWSP.

Bank asing diperbadankan di Malaysia (LIFB)
Bank komersial atau bank Islam berlesen milik asing yang diperbadankan di Malaysia.

Bank-bank Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (LIBFC)
Bank-bank yang beroperasi di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan.

Dana insentif untuk e-pembayaran (ePIF)
Rangka kerja yang dilaksanakan oleh Bank pada tahun 2015, yang memerlukan bank-bank menyalurkan sebahagian daripada fi pemprosesan cek yang dikutip untuk dijadikan insentif bagi menggalakkan pelanggan berpindah kepada e-pembayaran.

Dwi-Peranan (*Double hatting*)
Pengaturan yang membenarkan individu memegang lebih daripada satu jawatan kanan.

Ejen perbankan
Penyediaan perkhidmatan perbankan kepada pelanggan melalui ejen pihak ketiga. Contohnya, melalui saluran perniagaan runcit dan pejabat pos.

Ekuiti biasa kumpulan 1 (CET1)
Komponen modal pengawalseliaan bank yang terdiri daripada saham biasa yang diterbitkan oleh institusi perbankan, premium saham, keuntungan tertahan dan rizab lain.

Hutang berisiko – isi rumah
Bahagian hutang peminjam yang mempunyai margin kewangan negatif kepada jumlah hutang isi rumah, yang diselaraskan dengan cagaran yang layak.

Hutang berisiko – syarikat bukan kewangan
Bahagian hutang syarikat dengan nisbah perlindungan faedah kurang daripada dua kali jumlah hutang syarikat.

Jumlah modal
Jumlah modal pengawalseliaan bank yang terdiri daripada jumlah CET1, modal tambahan kumpulan 1 dan kumpulan 2.

Kadar diskaun peniaga (MDR)
Fi yang dibayar oleh peniaga kepada pemeroleh (*acquirer*) untuk urus niaga menggunakan kad pembayaran. MDR terdiri daripada fi pertukaran (fi yang dibayar oleh pemeroleh kepada pengeluar kad pembayaran), fi pemprosesan dan fi lain yang dikenakan oleh pengendali rangkaian kad pembayaran serta kos lain yang ditanggung pemeroleh dan margin pemeroleh.

Kadar mungkir vintaj
Kadar pinjaman mungkir yang dicatat dan dikategorikan mengikut tempoh permulaan (*origination period*).

Kadar penembusan – insurans hayat dan takaful keluarga
Peratusan warganegara Malaysia yang memiliki polisi insurans hayat individu atau sijil takaful keluarga, tidak mengambil kira polisi/sijil lain dalam kategori yang sama.

Kadar Peruntukan Minimum (*Minimum Allocation Rate*, MAR)
Kadar premium minimum yang kena dibayar oleh pemegang polisi/ sumbangan takaful yang dibuat oleh peserta takaful yang diperuntukan dalam unit dana pilihan sebelum pengurangan sebarang caj.

Kebarangkalian mungkir (PD)
Kebarangkalian satu pihak mungkir terhadap obligasi kontraknya dengan institusi kewangan untuk suatu tempoh masa tertentu.

Kerugian akibat mungkir (LGD)
Peratusan daripada baki tuntutan terkumpul yang tidak akan diperoleh kembali sekiranya berlaku kemungkiran.

Keuntungan/kerugian operasi
Jumlah keuntungan/kerugian pengunderaitan, pelaburan bersih dan pendapatan lain, yang meliputi semua penanggung insurans dan pengendali takaful am langsung serta penanggung insurans semula/pengendali takaful semula am.

Keuntungan/kerugian pengunderaitan
Pendapatan premium/sumbangan diperoleh yang ditolak tuntutan bersih, komisen dan perbelanjaan pengurusan, meliputi semua penanggung insurans dan pengendali takaful am langsung serta penanggung insurans semula/pengendali takaful semula am.

Kontrak hadapan tanpa serahan (NDF)
Kontrak hadapan yang diurusniagakan di luar pesisir dan tidak melibatkan pertukaran dua jenis mata wang berlainan apabila matang.

Kumpulan perbankan domestik (DBG)
Kumpulan kewangan milik tempatan yang terdiri daripada bank komersil berlesen, bank pelaburan berlesen dan bank Islam berlesen.

Lebihan yang dijana
Perubahan dalam lebihan penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga dalam suatu tempoh tertentu. Lebihan ini ialah lebihan dana risiko pemegang polisi/peserta yang dibahagi dengan liabiliti polisi/sijil bersih.

Margin kewangan (FM)
Pendapatan boleh guna bulanan peminjam (selepas ditolak bayaran balik hutang dan perbelanjaan untuk keperluan asas) dan aset kewangan mudah tunai.

Nisbah kecukupan modal (CAR)
Pengukur modal institusi kewangan yang dinyatakan sebagai nisbah modal kepada risiko.

Nisbah khidmat hutang (DSR)
Nisbah jumlah hutang bulanan dengan bank dan bukan bank kepada pendapatan boleh guna bulanan (ditolak potongan berkanun).

Nisbah leveraj (hutang) – isi rumah
Nisbah jumlah hutang terkumpul kepada pendapatan kasar tahunan peminjam.

Nisbah leveraj (hutang) – perbankan
Nisbah 'modal kumpulan 1' kepada 'dedahan di dalam dan luar penyata kedudukan kewangan' sesebuah bank.

Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (NSFR)
Nisbah pendanaan stabil tersedia (*available stable funding*, ASF) kepada pendanaan stabil yang diperlukan (r*equired stable funding*, RSF) bank. ASF merujuk sumber pendanaan institusi perbankan berwajaran kestabilan masing-masing, manakala RSF merujuk aset dan dedahan lain di luar penyata kedudukan kewangan berwajaran mudah tunai masing-masing.

Nisbah perlindungan faedah (ICR)
Nisbah perolehan syarikat sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan kepada perbelanjaan faedah. Nisbah ini mengukur keupayaan membayar balik hutang.

Nisbah perlindungan mudah tunai (LCR)
Nisbah 'aset mudah tunai berkualiti tinggi (HQLA)' kepada 'jangkaan aliran keluar tunai bersih' bank untuk tempoh 30 hari akan datang.

Nisbah pinjaman kepada dana (LTF)
Nisbah jumlah pinjaman kepada deposit dan instrumen hutang, tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas, penempatan antara bank, dan pinjaman yang dibiayai oleh akaun pelaburan Islam.

Nisbah pinjaman kepada dana dan ekuiti (*Loan-to-fund-and-equity*, LTFE)
Nisbah jumlah pinjaman kepada deposit, instrumen hutang dan ekuiti, tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas, penempatan antara bank, dan pinjaman dibiayai oleh akaun pelaburan Islam.

Nisbah pinjaman/pembiayaan terjejas bersih
Nisbah pinjaman/pembiayaan terjejas ditolak peruntukan tertentu kepada jumlah pinjaman/pembiayaan ditolak peruntukan tertentu.

Nisbah tunai kepada hutang jangka pendek (CASTD)
Nisbah tunai kepada hutang jangka pendek syarikat bagi mengukur mudah tunai.

Pengurusan ketegaran (*Persistency management*)
Pengurusan polisi insurans atau sijil takaful yang masih berkuat kuasa.

Premium dan sumbangan kasar
Premium dan sumbangan belum terima sebelum potongan komisen, pembrokeran atau perbelanjaan lain yang meliputi semua penanggung insurans dan pengendali takaful am langsung serta penanggung insurans semula dan pengendali takaful semula am.

Premium dan sumbangan baharu – insurans hayat dan takaful keluarga
Premium dan sumbangan yang diperoleh daripada polisi/sijil baharu bagi tahun tertentu.

Produk berkaitan pelaburan
Insurans hayat atau takaful keluarga yang nilai polisi/sijilnya akan berubah pada bila-bila masa mengikut nilai aset sandaran pada masa itu.

Produk sertaan
Produk insurans dan takaful yang berkongsi lebihan boleh agih penanggung insurans hayat/pengendali takaful keluarga melalui bonus atau dividen.

Saling boleh kendali (*interoperability*)
Keupayaan memproses pembayaran menerusi pelbagai penyedia perkhidmatan pembayaran dengan menggunakan piawaian yang sama dan/atau aspek teknikal yang serasi.

Sandbox Pengawalseliaan
Rangka kerja yang membolehkan penyelesaian teknologi kewangan yang inovatif diuji dalam situasi pasaran sebenar mengikut parameter dan jangka masa yang ditetapkan.

Sukuk
Sekuriti hutang berstruktur di bawah apa-apa kontrak yang berlandaskan Syariah.

Syarikat korporat bukan kewangan
Syarikat yang aktiviti utamanya ialah mengeluarkan barangan dan/atau perkhidmatan bukan kewangan.

Unit harta tanah tidak terjual
Unit harta tanah siap dibina dengan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) yang masih tidak terjual selama lebih sembilan bulan selepas dilancarkan di pasaran.

Akronim dan Singkatan

ABM	Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (*Association of Banks in Malaysia*)
AIBIM	Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (*Association of Islamic Banking and Financial Institutions Malaysia*)
AKPK	Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit
AML/CFT	Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (*Anti-Money Laundering and Countering the Financing of Terrorism*)
AMLA	Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (*Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities 2001*)
AMP	penalti monetari pentadbiran (*administrative monetary penalty*)
API	*Application Programming Interface*
AS	Amerika Syarikat
ATM	mesin juruwang automatik (*automated teller machine*)
BCBS	Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel (*Basel Committee on Banking Supervision*)
BCCILA	Kursus Sijil Asas dalam Pelarasan Kerugian Insurans (*Basic Certificate Course in Insurance Loss Adjusting*)
BSC	Kad Skor Seimbang (*Balanced Scorecard*)
CAGR	kadar pertumbuhan tahunan terkompaun (*compounded annual growth rate*)
CAR	nisbah kecukupan modal (*capital adequacy ratio*)
CASTD	tunai kepada hutang jangka pendek (*cash-to-short-term debt*)
CDD	usaha wajar pelanggan (*customer due diligence*)
CMG	kumpulan pengurusan krisis (*crisis management group*)
CNP	transaksi kad pembayaran yang tidak melibatkan penggunaan kad secara fizikal (*card-not-present*)
CO	pegawai pematuhan (*compliance officer*)
CoP	Komuniti Pengamal (*Community of Practitioners*)
CTR	laporan nilai ambang tunai (*cash threshold report*)
CURE	Bantuan Penyelesaian dan Aduan Pengguna (*Consumer Complaints Redress*)
DBG	kumpulan perbankan domestik (*domestic banking group*)
DCE	Pengurup Mata Wang Digital (*Digital Currency Exchanger*)
DFI	institusi kewangan pembangunan (*development financial institution*)
DII	pelabur institusi domestik (*domestic institutional investor*)
DMP	Program Pengurusan Hutang (*Debt Management Programme*)
DNFBP	Perniagaan dan Profesion Bukan Kewangan yang Ditetapkan (*Designated Non-Financial Business and Profession*)
D-SIB	institusi perbankan domestik yang penting dari segi sistemik (*domestic systemically important banking institution*)
DSR	nisbah khidmat hutang (*debt service ratio*)
ECL	jangkaan kerugian kredit (*expected credit loss*)
eKYC	Kenali Pelanggan Anda Menerusi Platform Digital (*electronic Know-Your-Customer*)

EME	ekonomi pasaran sedang pesat membangun (*emerging market economy*)
ePIF	Dana Insentif untuk e-Pembayaran (*e-Payment Incentive Fund*)
FAR	Wakil Penasihat Kewangan (*Financial Adviser's Representatives*)
FATF	Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (*Financial Action Task Force*)
MP	Mahkamah Persekutuan
FCI	Rangkuman Kewangan dari Sudut Permintaan (*Financial Capability and Inclusion Demand Side Survey*)
FCY	mata wang asing (*foreign currency*)
FEN	Jaringan Pendidikan Kewangan (*Financial Education Network*)
FI	institusi kewangan (*financial institution*)
Fintech	teknologi kewangan (*financial technology*)
FM	margin kewangan (*financial margin*)
FMB	Biro Pengantaraan Kewangan (*Financial Mediation Bureau*)
FMSI	Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (*Financial Market Stress Index*)
FSA	Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (*Financial Services Act 2013*)
FSC	Jawatankuasa Kestabilan Kewangan (*Financial Stability Committee*)
FSP	penyedia perkhidmatan kewangan (*financial service provider*)
FX	pertukaran asing (*foreign exchange*)
GAP	Perlindungan Aset Terjamin (*Guaranteed Asset Protection*)
G-SIB	bank yang penting dari segi sistemik pada peringkat global (*global systemically important bank*)
HPE	ujian penilaian portfolio hipotetikal (*hypothetical portfolio evaluation*)
HQLA	aset mudah tunai berkualiti tinggi (*high-quality liquid assets*)
IBG	Giro Antara Bank (*Interbank* GIRO)
ICO	tawaran duit syiling awal (*initial coin offering*)
ICR	nisbah perlindungan faedah (*interest coverage ratio*)
ICTF	Rangka Kerja Pemindahan Kredit Saling Boleh Kendali (*Interoperable Credit Transfer Framework*)
IFI	institusi kewangan Islam (*Islamic financial institution*)
IFSA	Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (*Islamic Financial Services Act 2013*)
IHRM	Indeks Harga Rumah Malaysia
IL	berkaitan pelaburan (*investment-linked*)
INCEIF	Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (*International Centre for Education in Islamic Finance*)
IT	teknologi maklumat (*information technology*)
ITO	penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurers and takaful operator*)
KDNK	keluaran dalam negeri kasar
KLIBOR	Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (*Kuala Lumpur Interbank Offered Rate*)
KPI	Penunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicators*)
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LCR	Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (*Liquidity Coverage Ratio*)
LEA	agensi penguatkuasaan undang-undang (*law enforcement agency*)
LFA	aset kewangan mudah tunai (*liquid financial assets*)
LIBFC	Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (*Labuan International Business and Financial Centre*)
LIFB	bank asing diperbadankan di Malaysia (*locally-incorporated foreign bank*)
LIFE Framework	Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga (*Life Insurance and Family Takaful Framework*)
LTF	pinjaman kepada dana (*loan-to-fund*)
LTFE	pinjaman kepada dana dan ekuiti (*loan-to-fund-and-equity*)
MAG	Muzium dan Galeri Seni (*Museum and Art Gallery*)
MAR	Kadar Peruntukan Minimum (*Minimum Allocation Rate*)
MDF	Dana Pembangunan Pasaran (*Market Development Fund*)
MFRS	Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Reporting Standards*)
MGS	Sekuriti Kerajaan Malaysia (*Malaysian Government Security*)

MII	Institut Insurans Malaysia (*Malaysian Insurance Institute*)
ML	pengubahan wang haram (*money laundering*)
MoU	Memorandum Persefahaman (*Memorandum of Understanding*)
MSB	perkhidmatan perniagaan wang (*money services business*)
MYFLIC Index	Indeks Celik dan Keupayaan Kewangan Malaysia (*Malaysia Financial Literacy and Capability Index*)
NBFI	institusi kewangan bukan bank (*non-bank financial institution*)
NCC	Jawatankuasa Penyelarasan Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (*National Coordination Committee to Counter Money Laundering*)
NFC	syarikat korporat bukan kewangan (*non-financial corporation*)
NOP	kedudukan terbuka bersih (*net open position*)
O&G	minyak dan gas (*oil and gas*)
OFS	Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (*Ombudsman for Financial Services*)
OPR	Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate*)
OSSC	ruang pejabat dan kompleks beli-belah (*office space and shopping complexes*)
PayNet	Payments Network Malaysia Sdn. Bhd.
PCRF	Rangka Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran (*Payment Card Reform Framework*)
PF	pembiayaan peribadi (*personal financing*)
PIDM	Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
PIN	Nombor Pengenalan Peribadi (*Personal Identification Number*)
PNB	Permodalan Nasional Berhad
PKS	perusahaan kecil dan sederhana
POS	semasa jualan (*point-of-sale*)
PPP	Piagam Perkhidmatan Pelanggan
RR China	Republik Rakyat China
QR	Respons Pantas (*Quick Response*)
RENTAS	Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (*Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System*)
SC	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (*Securities Commission Malaysia*)
SELFY	Celik Keusahawanan Sosial untuk Belia (*Social Enterprise Literacy for Youth*)
SST	Cukai Jualan dan Perkhidmatan (*Sales and Services Tax*)
STR	laporan transaksi yang mencurigakan (*suspicious transaction report*)
SWIFT	*Society for Worldwide Interbank Financial Telecommunication*
TF	pembiayaan keganasan (*terrorism financing*)
VBI	Pengantaraan Berasaskan Nilai (*Value-based Intermediation*)